

Headline	Mati akibat renjatan ketika cuba curi kabel		
MediaTitle	Kosmo		
Date	14 Jul 2021	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Negara	Page No	8
ArticleSize	356 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 27,717		



Mati akibat renjatan ketika cuba curi kabel

PETALING JAYA – Perbuatan seorang lelaki tempatan dipercayai cuba mencuri kabel mekakan diri apabila dia maut akibat terkena renjatan elektrik.

Lelaki berusia 46 tahun yang melecur kira-kira 60 peratus di badannya meninggal dunia ketika dirawat di Hospital Shah Alam dekat sini kelmarin.

Pemeriksaan mendapati suspek positif Covid-19.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Abd. Khalid Othman berkata, kejadian disedari selepas seorang jurutera Tenaga Nasional Berhad menerima panggilan mengenai bekalan elektrik terputus di pencawang utama di Batu 3, Shah Alam pada pukul 2.47 petang.

"Sepasukan juruteknik yang tiba di lokasi tersebut mendapati pencawang elektrik yang terletak di dalam sebuah kilang di Batu 3 diceroboh dan salah

satu suisnya dirosakkan.

"Pasukan tersebut turut menemui seorang lelaki dalam keadaan melecur hampir seluruh badan. Lelaki itu masih bernyawa dan dihantar ke Hospital Shah Alam untuk rawatan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut Abd. Khalid, sebahagian fius dan kabel telah terbakar dengan kerugian dianggarkan RM60,000.

Siasatan awal mendapati suspek menceroob kilang dengan cara memotong pagar dipercayai untuk mencuri kabel, namun tidak bernasib baik kerana terkena renjatan elektrik.

"Semasa kejadian, kilang tersebut tidak beroperasi. Tiada saksi dan televisyen litar tertutup (CCTV) di tempat kejadian," katanya.

Semakan mendapati suspek mempunyai satu rekod jenayah dan tujuh rekod dadah.



SUSPEK ditemui dengan kecederaan melecur di sebuah kilang di Batu 3, Shah Alam kelmarin.